

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 29/2021	Perkhidmatan Menjahit Pakaian Seragam Lengkap Dengan Aksesori Pakaian Yang Berkaitan Serta Membekal Kasut Untuk Pegawai Dan Anggota Jabatan Penguatkuasaan MPKj Bagi Tahun 2021	KKM -Sertakan Bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera	020801 / 020802 / 020899	RM50.00	25 Mac 2021 Hingga 8 April 2021
MPKj S 30/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Tanjung Dan Jalan Melur, Taman Mudun, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G1	CE01 & CE21		
MPKj S 31/2021	Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Yang Rosak Di Sebahagian Jalan Utama Sunway Semenyih, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE21 & CE34		
MPKj S 32/2021	Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Yang Rosak Serta Menurap Semula Jalan 13, Kampung Baru Semenyih, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE01, CE21 & CE34		
MPKj S 33/2021	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Bandar Rinching 5 Dan 6, Seksyen 5, Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G2	CE01 & CE21		
MPKj S 34/2021	Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Yang Rosak Di Jalan Jasmin 9, 10, 19 Dan 20, Taman Jasmin, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE21 & CE34		
MPKj S 35/2021	Kerja-Kerja Membaiki Semula Longkang Yang Rosak Di Jalan Bukit Mewah 9 Dan 11, Taman Bukit Mewah, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 36/2021	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Menurap Jalan Yang Rosak Di Jalan Perkasa 1/1, Taman Perkasa, Hulu Langat, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G2	CE01, CE21 & CE34	RM50.00	25 Mac 2021 Hingga 8 April 2021
MPKj S 37/2021	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Utama, Jalan 2, 3, 4, 5 Taman Sri Kundang, Hulu Langat, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **25 MAC 2021 HINGGA 8 APRIL 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 8 APRIL 2021 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI**. Jika Dokumen Tawaran tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan **POS** supaya tiba pada atau sebelum masa yang ditetapkan di alamat **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang (Peti Sebutharga/ Tender), Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang Selangor Darul Ehsan**.

Penyebutharga diminta untuk mendapatkan kebenaran dari pihak berwajib bagi urusan rentas negeri atau daerah dan ditunjukkan semasa sekatan jalan raya sekiranya perlu. Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakkan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).